

Hargai insan bergaji rendah



MASIH PERLUKAN SUBSIDI: Tiga aspek kehidupan, perumahan, kesihatan dan pendidikan, masih memerlukan subsidi bagi menangani kos sara hidup yang semakin meningkat. - Foto fail

20 May 2014

Mohd Raman Daud

SEORANG nyonya tua pemungut pinggan mangkuk di pusat jaja sedang beratur membeli makanan, diperhatikan seorang lelaki bertubuh sasa yang mejanya tadi dibersihkan wanita itu.

Belum sempat nyonya itu mengeluarkan wang untuk membayar, lelaki tersebut mendahulukan wangnya sambil tersenyum dan terus berlalu.

Nyonya itu menyedari bahawa hari itu merupakan 'tuah' baginya.

"Wah dia olang baik," katanya.

Seorang teman memberitahu saya:

"Mestilah dia baik. Pakai Mercedes menjalar. Seberapalah belanja tadi."

BELA PEKERJA BAWAHAN

Membela pekerja bawahan atau bergaji rendah kini antara seruan juang Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (NTUC), menurut Anggota Parlimen GRC Pasir RisPunggol, Encik Zainal Sapari, yang juga pengarah di NTUC.

"Saya ingin menyemak usaha yang dilaksana bagi membantu pekerja berpendapatan rendah," katanya ketika diminta pandangannya tentang sidang Parlimen yang direhatkan demi membolehkan para AP menyemak dasar-dasar pemerintah dan mengusulkan langkah selanjutnya.

Hakikatnya ialah jurang kaya miskin di Singapura terus membesar, dengan nilai pekali Gini 0.478 - antara terbesar di kalangan negara maju. Hal ini ketara kerana peratusan hartawan berbanding jumlah penduduk Singapura adalah yang tertinggi di dunia.

Isu jurang kaya miskin ini antara perkara hangat yang mewarnai kempen pilihan raya umum 2011.

Baru-baru ini, dalam satu sidang akhbar Institut Daya Saing Asia (sebuah unit dalam Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew), pengarahnya, Dr Tan Khee Giap, menyatakan kos sara hidup rakyat Singapura masih memadai tetapi perlu dipantau. Singapura di tempat ke-60 antara 109 kota raya dunia, setanding dengan Hongkong atau Kuala Lumpur.

Kos sara hidup ekspatriat di sini memang sah tertinggi di dunia, jelasnya. Ini kerana perbezaan jenis barangan yang digunakan antara rakyat biasa dengan profesional asing.

"Pemerintah perlu meneruskan subsidi bagi perumahan, kesihatan dan pendidikan. Anggaphlah tiga bidang ini sebagai pelaburan jangka panjang, bukan kos semata-mata.

"Lagipun, jika tidak, pekerja bergaji rendah atau bawahan akan berasa tertekan. Memang harga makanan di pusat jaja masih termampu, tapi bezakan seorang pekerja bawahan membeli sepiring mi yang tentulah terasa mahal berbanding seorang pensyarah seperti saya," kata Dr Tan.

Jadi, di mana silapnya sehingga berlaku jurang tadi atau lapangan yang tidak sama rendah?

Bolehkah lapangan diratakan bagi membolehkan setiap anak warga Singapura, termasuk daripada kelas bergaji rendah, maju?

PERANAN WATAN

Tidak syak peranan watan amat penting dalam membela warganya, terutama yang bergaji rendah. Inilah keadilan yang perlu dipastikan dalam semua bidang peluang - daripada pendidikan sehingga peluang pekerjaan.

Maka itu, kehadiran lebih banyak tokoh buruh, seperti Encik Zainal misalnya, telah membolehkan nasib pekerja pembersih sehingga keselamatan mendapat pembelaan.

Walaupun tidak dinamakan 'gaji minimum', konsep gaji progresif yang diperjuangkan NTUC kian menunjukkan kesan positifnya.

Dahulu, pusat jaja makanan sering menampilkan pekerja asing yang sanggup menerima gaji rendah yang tidak sanggup diterima pekerja warga Singapura.

Kini kian ketara banyak warga setempat mula mengambil alih pekerja asing dalam bidang pembersihan sehingga keselamatan. Trend ini memang mencerikan walaupun kos gaji tadi, antara lain, mendorong majlis bandaran atau pengurusan pangsapuri menaikkan bayaran senggara.

Namun, bagi meningkatkan mutu pekerja bawahan, bak hujah Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Encik Tharman Shanmugaratnam, pelaburan dari segi latihan dan penggunaan mesin diperlukan.

Apabila pekerja bawahan dapat meraih kemahiran sehingga cekap menggunakan mesin, daya penghasilannya meningkat - dapat melakukan banyak pekerjaan (bererti kurang pekerja sepertinya diperlukan). Dengan itu, gajinya akan meningkat.

USAHA MEMPERKASA

Selain agensi pemerintah, seperti Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Keluarga (MSF) yang gigih mewujudkan rangkaian bantuan, gerakan sivik akan terus diperlukan dalam membela pekerja bergaji rendah.

Bagi masyarakat Melayu, golongan bergaji rendah masih besar. Mereka dibantu beberapa badan Melayu, seperti Angkatan Karyawan Islam (AMP), yang menampilkan program keluarga angkat yang menunjukkan kesan memberangsangkan.

Sejumlah penderma atau penaja menghulurkan bantuan untuk keluarga susah yang dikenal pasti dan dibantu dengan wang, bimbingan, peluang pekerjaan dan sebagainya. Hasil bantuan itu dilaporkan dari masa ke masa oleh AMP demi meraih keyakinan penderma.

Menurut pengasas fahaman komunis, Karl Marx (1818-1883), jurang kaya miskin boleh dileburkan dengan menyamaratakan masyarakat menerusi dasar tegas pemerintah. Namun, ia ternyata gagal di dua gergasi komunis - Soviet Union, yang berkecai sendiri; atau di China, sekalipun yang sejak 1976 mendakap faham pasaran bebas.

Di Australia misalnya, pekerja 'bawahan' tidak timbul kerana pekerja pembersihan sehingga pencuci pinggan mangkuk mungkin terdiri daripada para siswa yang bekerja sambilan. Oleh itu, sikap masyarakat yang boleh menentukan tanggapan terhadap pekerja itu dinilai 'bawahan' dan sebagainya.

Ertinya, kaya miskin akan tetap ada. Pekerja bergaji rendah akan terus bersama kita. Cuma, apakah kita seperti lelaki tadi, yang cukup menghargai nyonya pemungut pinggan mangkuk di pusat jaja?